

25/01/2003

Pesara BHK wajar diberikan pencen

Denak Dani

KERAJAAN prihatin terhadap kebajikan kakitangan awam dengan memberikan mereka pelbagai kemudahan dan insentif.

Bukan itu saja, bekas kakitangan awam juga menerima imbuhan walaupun mereka tidak berada dalam pentadbiran kerajaan. Contohnya, pesara kakitangan awam mendapat kenaikan pencen 10 peratus.

Ini semua menunjukkan kerajaan Barisan Nasional (BN) prihatin dan mengambil berat terhadap masalah bekas pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan kerajaan.

Langkah ini memperlihatkan kerajaan yang dipilih rakyat berjaya mencapai tahap ekonomi negara yang membanggakan. Ia juga bukti kepemimpinan negara

yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan manifestonya "Tradisi Membela Rakyat".

Begitu pun, saya agak terkilan kerana masih ada pesara kerajaan yang tidak mendapat pembelaan atau perhatian. Ini mungkin kerajaan terlupa atau

sengaja tidak mahu ambil tahu nasib dan masalah pesara berkenaan.

Pesara yang dimaksudkan ini ialah bekas pegawai dan kakitangan Bahagian

Hal Ehwal Khas (BHK), Jabatan Penerangan iaitu penyelia, pembantu luar kanan, pegawai khas agama dan pembantu luar yang tamat perkhidmatan mereka.

Mereka dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui skim one line vote secara kontrak dan mendapat semua kemudahan seperti kakitangan awam lain ketika berkhidmat.

Kebanyakan pesara ini berkhidmat berterusan lebih 18 tahun.

Pembesaran BHK dibuat pada April 1982 dengan lebih 500 orang pegawai dilantik dan diletakkan dalam Jabatan Penerangan di seluruh negeri.

Sejak

kira-kira tiga tahun lalu BHK dinaikkan taraf menjadi Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) yang diletakkan terus di bawah Kementerian Penerangan yang diketuai seorang Ketua Pengarah.

Hingga kini beratus-ratus pegawai BHK bersara selepas tamat tempoh perkhidmatan masing-masing sama ada mencapai had umur 55 tahun atau

hingga 60 tahun. Malah ada yang ditamatkan perkhidmatan tanpa sebab.

Walaupun ramai antara mereka berkhidmat hampir 20 tahun, tidak sebarang

ganjaran sagu hati diberikan oleh kerajaan selain ganjaran 17.5 peratus daripada gaji setiap tahun ketika berkhidmat.

Apabila mereka tamat perkhidmatan, tidak mendapat apa-apa kemudahan lagi. Rawatan di hospital kerajaan pun dikenakan bayaran seperti orang biasa.

Ini kerana ada antara mereka yang tidak menerima surat pengesahan tamat

kontrak sebagai bukti daripada pihak kerajaan atau kementerian

berkenaan.

Ramai antara mereka yang tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara keluarga, lebih-lebih lagi apabila menjelang perayaan dan awal tahun untuk perbelanjaan anak bersekolah.

Saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya menimbangkan pemberian pencen kepada pesara BHK atau JHEK kerana mereka dilantik oleh JPA yang tertakluk kepada peraturan dan syarat sebagai kakitangan awam.

Dengan ada bayaran pencen seperti yang dicadangkan, saya kira memberi kelegaan dan meringankan beban untuk menyara keluarga dalam menjalani hari tua mereka.

Setidak-tidaknya khidmat dan jasa yang mereka berikan kepada kerajaan dan parti selama ini mendapat balasan setimpal seperti yang dinikmati oleh kakitangan awam lain.

DENAK DANI,
Kuala Lumpur.